

## MOTIVASI PENGULANGAN KESALAHAN DADAH DAN KETIDAKINGINAN BERUBAH GELANDANGAN BEKAS BANDUAN DI JALAN CHOW KIT

(*The Motivation of Repeated Drug Offences and Unwillingness to Change of Former Prisoner's Homeland in Chow Kit Road*)

Mohd Alif Jasni\*, Nazirah Hassan, Fauziah Ibrahim, Mohammad Rahim Kamaluddin, Norruzeyati Che Mohd Nasir,

### ABSTRAK

Pengulangan kesalahan dadah didapati terus berlaku dalam kalangan gelandangan bekas banduan sepanjang hidup di jalanan. Walaupun telah mengikuti program pemulihan di dalam penjara namun mereka ini masih akan terjebak semula ke dalam kesalahan dadah. Keadaan ini membuatkan kajian ini cuba mengenal pasti motivasi yang menyebabkan gelandangan bekas banduan ini secara berterusan masih memilih untuk mengulangi aktiviti dadah sepanjang berintegrasi semula. Pengulangan tingkah laku berkaitan dadah menimbulkan isu tentang ketidaktinginan berubah dalam diri gelandangan bekas banduan. Dengan itu, kajian cuba menyelami perasaan ketidaktinginan untuk berubah gelandangan bekas banduan sehingga menyebabkan mereka masih memilih berterusan terlibat dalam aktiviti dadah. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dengan menemubual sembilan orang informan gelandangan bekas banduan. Hasil dapatan kajian telah mendapati antara motivasi pengulangan kesalahan dadah dalam kalangan gelandangan bekas banduan adalah disebabkan oleh ianya i. sebagai suatu bentuk kehendak bebas (atau pilihan sendiri), ii. keupayaan mencapai keseronokan dan kepuasan dan iii. sebagai strategi penghindaran kepada perasaan (kekecewaan, malu, sedih dan marah) Manakala bagi perasaan ketidaktinginan berubah pula membawa kepada penemuan empat subtema iaitu i. ketiadaan keupayaan untuk mereka keluar daripada kehidupan hidup di jalanan, ii. Perasaan di dalam keadaan zon selesa, iii. kekecewaan dan putus asa dalam diri dan iv. mengalami masalah kurang pertimbangan. Kesemua dapatan yang diperolehi ini memberi gambaran tentang pemilihan gelandangan bekas banduan ini secara berulang ke dalam kesalahan dadah. Maka dengan itu, keperluan dalam mencari solusi dalam mengubah 'mindset' serta tingkah laku golongan ini agar mampu mengeluarkan diri daripada aktiviti dadah.

**Kata kunci:** Motivasi, pengulangan kesalahan dadah, ketidaktinginan berubah, gelandangan bekas banduan, Jalan Chow Kit

### ABSTRACT

Repetition of drug offences continued among homeless former prisoners throughout their lives on the streets. Despite rehabilitation programs in prison, they will still be caught up in drug

offences. This situation sparked this study to identify the motivations that cause these homeless ex-prisoners to repeat drug activities throughout re-integration. The repetition of drug-related behaviours raises the issue of altered resilience in homeless former prisoners. This situation makes researchers also try to dive into the unwillingness to change of homeless former prisoners to continue engaging in drug activities. This study uses a qualitative method by interviewing nine homeless former prisoners informants. The study results have found that the motivation for the recurrence of drug offenses among homeless former prisoners is due to i. as a form of free will (or own choice); ii. the ability to achieve pleasure and satisfaction and iii. as a strategy to avoid feelings (frustration, shame, sadness and anger). While feelings of unwillingness to change also led to the discovery of four sub-themes, namely i. lack of ability for them to get out of life on the streets, ii. Feeling in a comfort zone state, iii. self -disappointment and despair and iv. problems with lack of judgment. All these findings provide an insight into the repeated selection of homeless former prisoners into drug offences. Therefore, the need to find solutions in changing the mindset and behaviour of this group to be able to withdraw them from drug activities.

**Keywords:** Motivation, repetition of drug offenses, unwillingness to change, homelessness of ex-prisoners, Chow Kit Road

## PENGENALAN

Penumpuan gelandangan bekas banduan di kawasan bandar-bandar secara beramai-ramai telah menjadi salah satu masalah sosial yang membimbangkan (Mohd Alif, Siti Hajar, & Norruzeyati, 2020, 2021). Adalah diketahui bahawa fenomena bergelandangan ini telah lama wujud dan tidak sama sekali dapat dipisahkan daripada realiti kehidupan masyarakat (Fuad & Noor Amalina, 2019; Muhammad Ammar, & Mohd Anuar, 2018; Muhammad Faheem & Muhammad Idris, 2017; Syafiq & Doris, 2018; Syazwani, 2016). Gelandangan bekas banduan ini secara umumnya terjadi dan berlaku di dalam negara yang disebabkan oleh ketiadaan sumber pendapatan tetap dan kegagalan dalam memenuhi keperluan diri sendiri dan keluarga selepas dibebaskan dari penjara. Mereka ni adalah dari kalangan bekas banduan yang dibebaskan dari penjara dan telah mengalami kegagalan dalam proses integrasi sehingga terpaksa berakhir menjadi gelandangan. Golongan gelandangan ini sering didapati hanya tinggal dan tidur pada waktu malam di kaki lima bangunan dengan beralaskan kotak-kotak yang dikutip di tempat pembuangan sampah (Yap, 2020). Golongan gelandangan bekas banduan ini banyak didapati berkeliaran di kawasan bandar-bandar besar seperti bandar Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru dan sebagainya. Kehadiran mereka kadang kala boleh menimbulkan ketidaksenangan dalam masyarakat setempat kerana penglibatan mereka yang berterusan dalam ketagihan dadah, jenayah kecil, mengemis, dan melepak.

Dasawarsa ini memperlihatkan berkaitan isu kebanjiran (Farrah, Faudziah, Mohd Taib, Fazurah, Mohammad Yassin, Izzat, Amirul, & Mohammad Haiqal, 2018) gelandangan bekas banduan yang tiada kata penamatnya. Jelasnya disini, individu yang bergelar gelandangan bekas banduan ini berkemungkinan melibatkan beberapa faktor yang membawa kepada kehidupannya menjadi gelandangan. Faktor-faktor utama yang bakal diperincikan merangkumi penilaian berkaitan masalah pengangguran, kos sara hidup yang tinggi, konflik kekeluargaan, masalah moral atau sosial dan gangguan terhadap mental yang diyakini adalah menjadi penyebab kepada

isu kebanjiran gelandangan di Malaysia (Farrah, Mohd Taib, Faudziah, Fazurah, & Mohammad Yasin, 2018; Muhammad Nor Amir & Fatimah, 2021; Mohd Suhaimi, Khaidzir, Nasuridin, & Nik Hairi, 2016; Muhammad Wafi, & Sharifah Rohayah, 2017). Terdapat pelbagai faktor-faktor yang mendorong seseorang individu menjadi gelandangan dan menyebabkan peningkatan isu gelandangan di Malaysia. Menurut Kajian Institut Penang (2015), faktor-faktor utama yang menyebabkan seseorang menjadi adalah seperti pengangguran, seseorang yang berusia tanpa mempunyai ahli keluarga di sisi lagi dan mengalami masalah pendapatan yang kurang. Sehubungan dengan itu, terdapat kajian lain yang menyatakan bahawa terdapat faktor-faktor lain yang mendorong kepada situasi gelandangan iaitu disebabkan oleh penyakit kronik dan ada juga mengalami masalah beban hutang yang tinggi. Kewujudan dan kebanjiran gelandangan kini bukanlah suatu isu yang mengejutkan lagi. Ia berlaku hampir di seluruh negara di dunia. Tiada formula tepat yang masih ditemui dalam menyelesaikan masalah gelandangan di dalam mana-mana negara. Setiap negara mengalami situasi yang sama apabila berlaku penambahan gelandangan pada setiap tahun.

Malahan Malaysia juga tidak terlepas menghadapi masalah sosial ini. Menurut Ku Basyirah, Mohd Suhaimi dan Norulhuda (2017), masalah gelandangan mungkin disebabkan oleh berlakunya tekanan sosial misalnya kehilangan pekerjaan, masalah kesihatan dan ketidakupayaan diri. Manakala berbeza pula dengan Nurul Mahfuzah et al. (2016) mengatakan bahawa faktor yang menyumbang kepada kewujudan masalah gelandangan boleh dikategorikan kepada dua (2) iaitu faktor individu dan faktor struktur. Faktor individu merangkumi faktor kemiskinan, pengalaman buruk semasa di awal usia, masalah kesihatan mental, penyalahgunaan dadah, sejarah penderaan dan keterlibatan dalam sistem keadilan jenayah. Faktor struktur pula merangkumi ketiadaan rumah kos rendah, pengangguran, kekurangan peluang untuk pekerja berkemahiran rendah dan sokongan kewangan.

Rentetan isu gelandangan bekas banduan ini telah menyebabkan perspektif masyarakat yang menganggap mereka ini hanyalah golongan yang menjadi pengemis yang perlu dijauhkan dan menganggap mereka ini cenderung untuk terlibat dalam kes-kes jenayah seperti meragut, mencuri, gangguan seksual dan sebagainya. Walaubagaimanapun, dalam tidak sedar, masih terdapat sekelompok daripada mereka yang terus berusaha menjadi seorang yang produktif dengan bekerja walaupun berterusan menghadapi kesempitan hidup untuk memperolehi keperluan asas hidup dan mendapatkan tempat tinggal yang lebih selesa. Golongan gelandangan bekas banduan ini didapati menginginkan kehidupan seperti manusia lain yang memiliki kehidupan yang baik. Namun apakan daya nasib mereka yang terpaksa menjalani kehidupan sedemikian rupa yang sehingga mempunyai ketiadaan pilihan dengan menjadikan pondok bas, depan deretan kedai-kedai, bawah jambatan sebagai tempat mereka berteduh. Berdasarkan penjelasan dalam teori ekologi dan teori keperluan Maslow menafsirkan gambaran sebenar berkaitan faktor persekitaran merupakan elemen paling komprehensif dalam mempengaruhi individu yang bergelar gelandangan. Menurut Laporan Utusan Malaysia (2020), menyiaran bahawa berlaku satu kejadian tragis di mana gelandangan ditemui mati di bangunan kedai. Melalui siasatan pihak polis, kematian tersebut disyaki sebagai kes kematian mengejut yang disebabkan serangan jantung ataupun penyakit lain. Hal ini menunjukkan keadaan mereka yang menjalani kehidupan bergelandangan adalah terdedah dengan pelbagai masalah kesihatan serta menjelaskan kehidupan mereka. Pada masa, kesempitan hidup menjadikan golongan ini sering tidak menghiraukan tentang kesihatan mereka. Di fikiran mereka adalah bagi memastikan

dapat memastikan kelangsungan hidup walaupun hidup dalam kedaifan. Walaupun terdapat banyak agensi persendirian (merujuk kepada pelbagai NGO yang hadir dalam membantu) yang ditubuhkan bagi membantu dalam mengurangkan masalah gelandangan ini, namun isu gelandangan ini masih belum dapat mencapai angka sifar di Malaysia.

Sebagai sebuah negara yang berstatus negara sedang membangun, isu gelandangan bekas banduan ini begitu meruncingkan. Penglibatan gelandangan bekas banduan ke dalam kesalahan dadah didapati berterusan sepanjang mereka dibebaskan. Antara kesalahan dadah yang dilakukan oleh gelandangan bekas banduan adalah seperti penyalahgunaan, penjualan dan pengedaran dadah. Aktiviti sebegini menyebabkan bekas banduan yang dibebaskan dari penjara ini akan terjerumus menjadi gelandangan. Kegiatan penagihan dadah yang dilakukan oleh mereka kemudiannya menyebabkan mereka dikecualikan oleh kelompok sosial termasuklah ahli keluarga mereka sendiri. Pengecualian sosial atau *social exclusion* ini menyebabkan gelandangan bekas banduan ini terpaksa merempat di jalan dan menjadi gelandangan.

Pengulangan kesalahan dadah ini menjadikan gelandangan bekas banduan berterusan terlibat ke dalam sistem keadilan jenayah secara berulang. Keributan ke dalam sistem keadilan jenayah secara berulang berlaku apabila individu ini terlibat secara berterusan dengan jenayah tertentu, diadili oleh sistem keadilan jenayah, dikenakan hukuman berulang. Mereka ibarat keluar dan masuk ke penjara secara berterusan sepanjang hidup mereka. Pengkaji berpandangan individu yang bergelar gelandangan bekas banduan selalunya akan dipinggirkan oleh masyarakat, keluarga dan insan terdekat. Peminggiran oleh kelompok sosial boleh menyebabkan bekas banduan menjadi gelandangan dan berkemungkinan terlibat semula dengan kegiatan jenayah terutama dadah secara berterusan. Mohd Alif Jasni et al. (2019) menyatakan bahawa tempat tinggal merupakan suatu perkara penting dalam strategi mengintergrasikan semula bekas banduan ke dalam masyarakat. Ketidakupayaan mendapatkan tempat tinggal boleh menyebabkan bekas banduan tersebut berulang kali terlibat ke dalam jenayah dan sering berakhir menjadi gelandangan. Menurut kajian ini lagi, bekas banduan yang tidak mempunyai tempat tinggal cenderung untuk menjadi gelandangan dan pada kebiasaannya, gelandangan akan didekati oleh individu yang terlibat dengan dadah dan cenderung membawa kepada penglibatan semula ke dalam penyalahgunaan dadah. Individu yang pernah terlibat dengan jenayah dadah ini berpotensi untuk menjadi gelandangan apabila mereka merasakan kehadiran mereka mengganggu keluarga, mereka tidak mahu membebankan keluarga, penolakan daripada ahli keluarga serta pada masa yang sama terdapat dari kalangan mereka yang tidak dipercayai oleh ahli keluarga. Penolakan oleh keluarga telah menyebabkan mereka ini berterusan kembali ke dalam aktiviti jenayah semula apabila setiap kali dibebaskan. Perkembalian semula gelandangan bekas banduan ke dalam kesalahan dadah memberi kebimbangan memandangkan proses pemulihian yang telah diberikan ketika melalui hukuman di penjara ternyata tidak dapat dicapai dengan sempurna.

Keadaan ini menimbulkan persoalan terhadap motivasi golongan ini yang masih memilih untuk terjebak ke dalam kesalahan dadah ini. Kajian ini mempunyai matlamat dalam meneliti berkaitan motivasi pengulangan kesalahan dadah dan ketidakringinan berubah dalam kalangan mereka ini. Tegasnya, kajian yang ingin dilaksanakan ini adalah sebagai suatu wadah empirikal dalam membincangkan tentang penglibatan gelandangan bekas banduan ini ke dalam kesalahan dadah. Bahagian seterusnya kajian ini akan digunakan dalam membincangkan tentang motivasi

pengulangan kesalahan dadah dan ketidaktinginan berubah dalam kalangan golongan gelandangan bekas banduan ini.

## SOROTAN KARYA

### Motivasi Gelandangan Bekas Banduan Mengulangi Kesalahan Dadah

Motivasi adalah pengalaman keinginan atau keengganan (anda menginginkan sesuatu, atau ingin mengelakkan atau mlarikan diri dari sesuatu). Oleh itu, motivasi mempunyai aspek objektif (matlamat atau perkara yang anda impikan) dan aspek dalaman atau subjektif (anda yang menginginkan perkara itu atau mahu ia hilang). Beberapa model menganggap adalah sama pentingnya perbezaan antara motivasi ekstrinsik dan intrinsik, (Ryan & Deci, 2000a 2000b) dan motivasi adalah topik penting dalam pekerjaan, (Latham, 2012) psikologi organisasi, organisasi pentadbiran, pengurusan, juga sebagai pendidikan.

Di samping itu, istilah motivasi berasal dari perkataan 'motif'. Kata 'motif' sebagai kata nama bermaksud objektif, sebagai kata kerja, perkataan ini bermaksud bergerak ke dalam tindakan. Oleh itu, motif adalah kekuatan yang mendorong orang untuk bertindak dengan cara, untuk memastikan pemenuhan keperluan manusia tertentu pada satu masa. Di sebalik setiap tindakan manusia ada motif. Motivasi dapat didefinisikan sebagai proses pengurusan yang dirancang, yang merangsang orang untuk bekerja dengan sebaik mungkin, dengan memberikan mereka motif, yang berdasarkan pada keperluan mereka yang tidak terpenuhi. Kajian ini merujuk motivasi pengulangan kesalahan dadah sebagai motif yang membawa kepada penglibatan subjek kajian ini ke dalam aktiviti penyalahgunaan dadah dari segi memiliki, menjual, mengedar atau menggunakan dadah. Pengkaji ingin memahami motivasi yang menyebabkan mereka ini masih memilih untuk mengambil, menjual, mengedar atau menyalahgunakan dadah secara berulang kali walaupun selepas telah menjalani pemenjaraan. Kajian ini cuba memahami faktor yang menjadikan gelandangan bekas banduan ini berterusan termotivasi untuk terlibat dalam kesalahan dadah.

Bagi pengkaji, jenayah dilakukan adalah terbentuk daripada motivasi yang timbul. Setiap gelandangan bekas banduan ini semestinya mempunyai motivasi yang perlu dikenalpasti dan direkodkan. Keadaan ini menjadikan kepentingan kajian ini untuk mengetahui dengan lebih lanjut motivasi yang membawa kepada aktiviti jenayah dadah yang berterusan. Secara umumnya, konstruk motif berkaitan dengan persoalan mengapa seseorang melakukan tingkah laku jenayah. Dalam kajian ini, pengkaji ingin mengetahui motivasi gelandangan bekas banduan untuk berterusan terjerumus dengan kancah dadah. Hal ini kerana terdapat profil motif yang menganggap bahawa jenayah dilakukan dengan sengaja dan motif di sebalik pelanggaran kesalahan dapat dengan mudah diketahui dan digunakan untuk menyimpulkan ciri-ciri pesalah tersebut. Maka pentingnya pelaksanaan kajian ini dengan segera apabila dapat mengkategorikan ciri-ciri gelandangan bekas banduan ini berdasarkan pemahaman terhadap bentuk motivasi yang menjadi faktor kepada timbulnya perasaan kepada melakukan penyalahgunaan dadah tersebut.

Walaupun diakui bahawa niat dan motif saling berkaitan, kedua-dua istilah mesti dibezakan. Maksud merujuk kepada sama ada pelaku dengan sengaja melakukan perbuatan jenayah, sedangkan motif merujuk kepada alasan pelaku melakukan. Perbezaan ini penting kerana, untuk tujuan membina ilmu profil, persoalan yang menarik bukan ialah kenapa pelaku

melakukan jenayah tetapi mengapa dia memilih untuk melakukan kejahatan. Sentimen ini tercermin dalam kekayaan literatur psikologi yang dikhaskan untuk kajian motif merentasi pelbagai jenis kesalahan jenayah. Secara umum, motif memerlukan kehadiran niat. Sekiranya seseorang tidak berniat melakukan perbuatan jenayah, maka penyelidikan mengenai motivasi dalamannya untuk melakukan sesuatu kesalahan dadah tidak perlu dilakukan. Kehadiran niat semestinya menunjukkan motif. Sekiranya seseorang melakukan perbuatan dengan tujuan, kemungkinan ada penjelasan untuk tujuan tersebut. Oleh itu, persoalan mengenai niat hanyalah soal kehadiran atau ketiadaan. Kajian motif, bagaimanapun, lebih bermuansa, dan motif dapat disusun dari berbagai perspektif. Contohnya, motif boleh menjadi instrumental atau ekspresif. Yang pertama adalah yang diarahkan pada beberapa tujuan, termasuk keuntungan kewangan, keuntungan politik, atau penghapusan musuh. Sebaliknya, yang terakhir adalah yang di mana ekspresi kemarahan atau emosi lain adalah yang terpenting. Motif ekspresif merangkumi perkara seperti kecemburuan, kepuasan seksual, dan balas dendam. Begitu juga, motif boleh dikelompokkan mengikut jenis jenayah.

Tidak ada satu jalan dominan untuk seseorang itu memasuki ke dalam sistem keadilan jenayah, melainkan banyak cara di mana pengalaman mereka menyumbang kepada tingkah laku jenayah mereka. Sama seperti lelaki, tumpuan untuk kemasukan semula sangat penting bagi wanita kerana majoriti akan pulang setelah menjalani hukuman di penjara. Tambahan pula, kadar residivisme dalam kalangan wanita juga menunjukkan kadar yang membimbangkan. Kira-kira satu perempat wanita yang dibebaskan dari penjara gagal dalam masa enam bulan (iaitu, terdapat penangkapan untuk jenayah baru), satu pertiga gagal dalam setahun, dan 2/3 gagal (68,1%) dalam tempoh lima tahun pembebasan (Snyder, Durose, Cooper, & Mulako-Wangota, 2016). Maka, objektif yang cuba dicapai dalam kajian ini untuk menyelami motivasi yang membawa kepada pengulangan kesalahan dadah dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Dengan ini membolehkan pengkaji untuk mengenalpasti motivasi yang wujud sebenarnya yang membawa kepada penglibatan gelandangan bekas banduan secara berterusan kepada kesalahan dadah.

### **Perasaan Ketidaktinginan Untuk Berubah Residivis Dari Mengulangi Jenayah**

Pendefinisian terminologi tentang perasaan ketidaktinginan untuk berubah berpunca daripada berlakunya tingkah laku pengulangan jenayah yang berterusan. Proses pemenjaraan yang dilengkapi dengan program pemulihan yang berfungsi dalam membantu mengubah banduan ini untuk menjadi seorang yang produktif dan patuh undang-undang selepas dibebaskan. Pengulangan kesalahan dadah yang berterusan membawa kepada timbulnya persoalan tentang perasaan ketidaktinginan untuk berubah dalam diri gelandangan bekas banduan ini. Keadaan ini membawa kepada kepentingan untuk memahami perasaan ketidaktinginan untuk berubah sebagai suatu terminologi yang memerlukan pendefinisian yang khusus. Sepastinya setiap bekas banduan yang dibebaskan mempunyai impian untuk berubah ke arah yang positif dalam diri. Mereka ingin memperbaiki kemahiran sosial, kesihatan, tingkah laku dan cara berfikir. Ia sememangnya baik namun realitinya bukan suatu yang mudah buat mereka. Kehidupan di luar tembok menjadikan hidup mereka penuh dengan cabaran dan dugaan. Cabaran hidup telah menjadikan sukar untuk mereka ini berubah dan menghadapi peristiwa hidup yang timbul. Tanpa keupayaan untuk menghadapi kesukaran hidup ini, ia boleh membawa kepada proses ketidaktingin untuk berubah.

Ketidaktinginan untuk berubah ini apabila ketidaaan kekuatan di dalam diri, kehilangan motivasi dan menjadi putus asa untuk memperbaiki hidup. Sedangkan setiap bekas banduan sepastinya ingin berubah dalam hidup. Ironi yang berlaku keinginan untuk berubah sukar untuk berlaku tanpa usaha untuk membuat perubahan disebabkan ketidakmahuhan untuk keluar daripada zon selesa. Bagi yang ingin berubah, bekas banduan perlu berusaha keras, membuat perancangan, melaksanakan dan memerlukan masa, keinginan dan sepastinuya bukan keutamaan setiap orang. Faktor yang boleh mempengaruhi perubahan dalam diri adalah kesungguhan seseorang, memerlukan kerja keras dan kegagalan yang boleh muncul sepanjang dalam hidup. Namun demikian, ketidakpastian dalam diri, menjadikan sukar untuk seseorang untuk berubah dan juga ketidaktinginan untuk berubah. Perasaan sebegini turut melibatkan bahagian psikologikal dalam tingkah laku manusia. Keadaan ini menyebabkan pengkaji ingin memahami tentang perasaan ketidaktinginan berubah dalam diri gelandangan bekas banduan.

Pengulangan dadah (merujuk kepada menjual, mengedar, dan menyalahgunakan) dan kegagalan berintegrasi dalam kalangan gelandangan bekas banduan secara berterusan menimbulkan persoalan tentang ketidaktinginan berubah dalam diri mereka. Penglibatan semula kepada kesalahan dadah menjadikan pengkaji ingin mengetahui tentang wujudnya perasaan ketidaktinginan untuk berubah dalam diri gelandangan bekas banduan ini. Hal ini kerana kegagalan yang berterusan dan kesukaran untuk mereka menjauhi dari penyalahgunaan dadah menjadi timbulnya isu perasaan ketidaktinginan untuk berubah.

Harus diketahui umum bahawa bekas banduan yang dibebaskan dari penjara ini akan menghadapi pelbagai cabaran hidup untuk mengintegrasikan dalam proses peralihan dari insituti penjara kepada kehidupan normal. Sebaik dibebaskan, bekas banduan perlu menghadapi pelbagai dugaan termasuk: membentuk semula perhubungan dengan ahli keluarga, kesukaran mendapat kerja dalam menampung kehidupan, keperluan kesihatan, tempat tinggal, ketiadaan pendidikan, keperluan bantuan awam, dan kini paling membimbangkan apabila mereka memegang rekod jenayah yang perlu dipikul sepanjang hidup mereka (Wheeler & Patterson; 2008). Tambahan juga, faktor sosial seperti kemiskinan, peluang ekonomi yang kurang, dan dipinggirkan secara sosial sering cenderung kepada penglibatan di dalam jenayah, di mana individu yang dibebaskan sering kali ke dalam persekitaran yang menyumbangkan kepada kecenderungan untuk mengulangi jenayah semula. Keadaan ini membuatkan kajian ini penting dalam meneroka perasaan ketidaktinginan untuk berubah dalam kalangan gelandangan bekas banduan ini.

## METODOLOGI KAJIAN

### Reka Bentuk Kajian

Dalam membolehkan keupayaan pengkaji meneroka motivasi pengulangan kesalah dadah dan perasaan ketidaktinginan berubah dalam kalangan golongan gelandangan bekas banduan, penggunaan falsafah yang berbentuk interpretisme didapati sangat bersesuaian dengan objektif yang diketengahkan. Pemilihan objektif yang memerlukan pengkaji menggunakan kaedah yang berbentuk penerokaan dan selari pandangan gelandangan bekas banduan ini. Pengkaji akan menyelami pandangan gelandangan bekas banduan ini tentang motivasi mereka yang masih berterusan terlibat dengan kesalah dadah serta perasaan ketidaktinginan berubah dalam diri mereka. Keupayaan untuk memahami dengan mendalam apa yang dilalui oleh gelandangan

bekas banduan ini membolehkan pengkaji memahami isu ini dengan lebih teliti. Falsafah interpretisme berupaya dalam merungkai permasalahan yang ingin diterokai dan cuba menjawab objektif kajian yang telah ditetapkan.

Dengan itu, membawa kepada penggunaan kajian yang berbentuk kerangka kualitatif yang akan dilakukan secara deskriptif dan exploratif bagi menjawab persoalan kajian yang ditetapkan. Pengkaji melihat penggunaan penyelidikan membolehkan proses dalam mengumpulkan, menganalisis, dan menafsirkan data bukan berbentuk angka. Hal ini kerana, penyelidikan kualitatif lebih berfungsi dalam memahami bagaimana seseorang individu itu secara subjektif memahami dan memberi makna kepada realiti sosial mereka. Maka dengan itu, pengkaji yakin penggunaan kualitatif yang dipilih adalah bertetapan dengan objektif yang ingin dicapai ini.

### Lokasi, Populasi Dan Persampelan

Pengkaji telah memilih untuk memfokuskan kajian kepada lokaliti di sekitar Jalan Chow Kit kerana didapati kawasan ini sering menjadi tempat bertumpunya golongan gelandangan bekas banduan. Secara umumnya, populasi merupakan kumpulan kajian secara menyeluruh yang ingin membuat kesimpulan. Manakala, sampel pula hanya melibatkan set kumpulan tertentu atau yang lebih kecil di ana pengkaji akan ambil untuk mengumpulkan data kajian. Ukuran bagi sampel adalah lebih kurang daripada jumlah populasi secara keseluruhan. Maka dengan itu, dalam membolehkan sebuah kajian berjalan dengan lancar dan terperinci, maka keperluan untuk menentukan sampel yang lebih kecil dan terkawal untuk mengikuti kajian lapangan ini. Pengkaji melampirkan jadual 1 bagi menunjukkan ciri-ciri peserta kajian yang akan dipilih untuk kajian ini. Ciri-ciri peserta kajian merupakan kriteria kelayakan bagi melayakkkan seseorang gelandangan bekas banduan itu untuk dipilih menjadi informan. Berbeza pula dengan ciri exclusion atau penterjamahan membawa maksud ciri yang dipinggirkan dalam kajian iaitu golongan gelandangan bekas banduan yang mempunyai masalah psikologi atau mental. Dengan itu, mana-mana individu gelandangan bekas banduan yang mempunyai rekod psikologi yang berdaftar dengan institusi tidak akan ditemui bual di dalam kajian ini. Pengkaji telah menggunakan Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab dalam membantu pengkaji mengenalpasti informan yang diperlukan. Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab merupakan sebuah NGO yang terletak di Jalan Chow Kit. Pertubuhan ini berfungsi dalam menyalurkan bantuan seperti makanan, pakaian dan kesihatan kepada para gelandangan di sekitar Jalan Chow Kit. Hubungan Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab yang akrab dengan para gelandangan memudahkan Pertubuhan mengenai informan yang diperlukan berdasarkan ciri-ciri inklusif yang telah ditetapkan. Pada masa sama, gelandangan bekas banduan yang didekati turut akan membantu memperkenalkan kawan-kawan mereka yang turut mempunyai ciri-ciri inklusif yang sama. Pengkaji telah menetapkan ciri-ciri inklusif yang diperlukan oleh seorang gelandangan bekas banduan untuk menjadi informan adalah seperti berikut:

Jadual 1: Ciri-ciri inklusif kelayakan untuk gelandangan bekas banduan menjadi informan kajian

---

#### Informan kajian Gelandangan Bekas Banduan

---

1. Mempunyai rekod pemenjaraan berulang
-

- 
- 2. Berumur 21 tahun dan ke atas
  - 3. Warganegara Malaysia
  - 4. Tidak mempunyai penyakit mental yang telah didiagnos atau direkodkan oleh mana-mana institusi
  - 5. Tidak mempunyai tempat tinggal yang stabil / tetap
- 

### Teknik Persampelan

Teknik persampelan bertujuan merupakan suatu teknik sampel bukan kebarangkalian yang telah dipilih berdasarkan ciri-ciri populasi dan objektif kajian yang diperuntukkan. Pensampelan bertujuan juga turut dikenali sebagai pengambilan sampel penilaian, selektif, atau subjektif, merupakan suatu bentuk persampelan tidak berkemungkinan (non-probability) di mana pengkaji bergantung pada penilaian sendiri ketika memilih anggota populasi untuk menyertai ke dalam kajian mereka. Penggunaan persampelan bertujuan ini cukup mudah. Yang mesti dilakukan oleh pengkaji adalah menolak individu yang tidak sesuai dengan profil tertentu semasa membuat sampel. Persampelan bertujuan membolehkan pengkaji memerlukan banyak maklumat daripada data yang telah dikumpul. Dengan ini membolehkan pengkaji menerangkan kesan besar penemuan mereka terhadap sampel kajian yang dipilih.

### Teknik Pengumpulan Data

Pembinaan dan pembangunan protokol temu bual adalah berdasarkan kepada ulasan literatur, persoalan kajian dan rangka teoretikal kajian. Terdapat satu jenis protokol temu bual iaitu untuk menemubual gelandangan bekas banduan. Jadual 2 melampirkan protokol temu bual untuk gelandangan bekas banduan yang mengandungi 4 bahagian. Bahagian A mengandungi soalan-soalan untuk mengumpul maklumat mengenai para informan yang terdiri daripada demografi. Bahagian B pula mengandungi soalan-soalan tentang motivasi pengulangan kesalahan dadah. Bahagian C pula mengandungi soalan-soalan tentang perasaan ketidaktinginan berubah. Bahagian terakhir iaitu bahagian D merupakan penutup yang akan bertanyakan soalan-soalan pandangan dan refleksi gelandangan bekas banduan sebelum menghentikan sesi temu bual.

Jadual 2: Senarai topik temubual informan kajian gelandangan bekas banduan

---

#### Informan Kajian Gelandangan Bekas Banduan

---

Bahagian A: Demografi

A(i) Demografi

Bahagian B: Motivasi Pengulangan Kesalahan Dadah

Bahagian C: Perasaan Ketidaktinginan berubah

Bahagian D: Penutup

D(i) pandangan tambahan

D(ii) refleksi

## Teknik Analisis Data

Proses menganalisis data kajian merupakan bahagian yang paling kritikal, malahan paling mencabar terutama dalam kajian yang bersifat kualitatif. Hal ini kerana proses penganalisisan yang memerlukan pemahaman dan pengetahuan pengkaji terhadap bidang kajian dan juga subjek kajian yang sedang dikaji. Hal ini kerana proses penganalisisan di dalam kaedah kualitatif memerlukan pengkaji untuk menjalankan pengekodan ke atas data kajian yang dikumpul. Maka dengan itu, proses ini sangat rumit dan memerlukan pengkaji mengetahui tentang apa yang dikodkan sepanjang proses pengekodan dijalankan. Penulisan bahagian dapatan ini perlu dilakukan dengan terperinci dan pengkaji perlu menerangkan secara mendalam tentang analisis yang ingin dilakukan. Pertama sekali, sebelum menjalankan kajian, pengkaji perlu mengubah terlebih dahulu sesi rakaman ke dalam bentuk bertulis (transkrip verbatim) sebelum proses analisis dilakukan. Kebanyakan kajian kualitatif ini akan mengumpul audio dan video data (antaranya seperti rakaman temu bual dan rakaman daripada kumpulan perbincangan berfokus) dan biasanya akan disalin ke dalam bentuk bertulis. Transkrip verbatim merupakan dialog informan yang ditulis dari segi perkataan demi perkataan berdasarkan temu bual yang telah dijalankan.

Sebaik proses penyalinan sesi temu bual dilakukan, pengkaji akan memasukkan transkrip ini ke dalam perisian Atlas.ti. Pengkaji akan menggunakan kaedah analisis tematik di mana pengkaji akan mengekod mana-mana verbatim atau dialog yang menggambarkan objektif kajian yang dikaji. Pengkaji akan menamakan kod yang ditemui mengikut pemahaman dan pengetahuan pengkaji. Selepas proses pengekodan selesai dijalankan, pengkaji akan mengkelompokkan kod-kod yang ditemui secara bersama untuk menjadi suatu tema utama (atau turut merujuk kepada tema superordinat). Apabila pengkaji mempunyai kesemua tema superordinat dan sub-tema ini, pengkaji akan memulakan proses menulis dan menerangkan dapatan yang telah diperolehi. Pengkaji melampirkan kesemua dapatan yang ditemui di bahagian berikut.

## DAPATAN KAJIAN

### Profil Demografi Sosial Informan

Hasil kajian telah membawa kepada pengumpulan seramai sembilan orang informan yang terdiri daripada gelandangan bekas banduan yang berterusan terlibat dengan dadah apabila setiap kali dibebaskan. Pengkaji telah merahsiakan nama setiap informan dan telah menukar kepada nama samaran. Tujuan pengantian nama kepada nama samaran ini bagi memastikan jaminan kepada kerahsiaan informan. Hal ini disebabkan kajian ini sangat sensitif dan keperluan buat pengkaji bagi merahsiakan identiti informan yang mempunyai kecenderungan untuk dilabel secara negatif. Pengkaji telah melampirkan kesemua maklumat demografi informan ke dalam jadual 3 ini. Berdasarkan jadual yang dilampirkan, kesemua informan yang ditemu bual ini menunjukkan masih berada dalam keadaan ketagihan. Kesemua mereka didapati sedang menjalani kehidupan yang miskin disebabkan oleh tidak mempunyai sebarang pendapatan yang sah serta pekerjaan yang stabil. Keadaan ini telah diburukkan lagi dengan ketiadaan tempat tinggal dan terpaksa

hidup di jalan. Rata-rata mengatakan tidak mempunyai kewangan yang mengcukupi untuk menyewa bilik sewa sama ada secara bulanan mahupun harian.

Jadual 3 ini telah menunjukkan sebanyak 8 orang informan adalah lelaki manakala kajian ini hanya melibat seorang sahaja informan wanita. Hasil kajian yang dijalankan telah mendapati kesukaran dalam memperolehi kelompok wanita. Hal ini disebabkan golongan gelandangan bekas banduan wanita adalah lebih sukar untuk didekati. Mereka didapati menunjukkan rasa kebimbangan dan malu sekiranya pengalaman hidup mereka dirakamkan walaupun untuk tujuan penyelidikan. Dari segi umur informan telah dilaporkan berada dalam lingkungan 30 sehingga 80 tahun.

Kehadiran informan yang berusia 80 tahun telah membuktikan bahawa kesukaran buat golongan ini untuk keluar daripada kehidupan bergelandangan. Hasil kajian turut mendapati lapan orang informan yang ditemubual adalah terdiri daripada pengulanglaku jenayah atau residivis. Dan hanya seorang sahaja yang merupakan banduan buat kali pertama (first time offender). Kajian juga telah mendapati lapan orang informan telah ditangkap atas kesalahan dadah. Manakala hanya seorang informan dengan kesalahan jenayah pecah masuk. Kesemua mereka mempunyai masalah ketagihan dadah yang tinggi. Pengkaji mendapati masalah ketagihan dadah telah menyebabkan mereka ini mengalami kesukaran dalam proses berintegrasi semula sepanjang dibebaskan dari penjara. Kehidupan dengan aktiviti penyalahgunaan telah membuatkan mereka ini telah gagal untuk berfungsi sebagai manusia yang patuh undang - undang dan produktif.

Jadual 3: Profil Demografi Sosial Responden Gelandangan Bekas Banduan

<b>Demografi Responden</b>	<b>Jantina</b>	<b>Negeri Asal</b>	<b>Umur</b>	<b>Taraf Pendidikan</b>	<b>Jumlah pemenjaraan</b>	<b>Jenis jenayah</b>	<b>Tempoh gelandangan</b>	<b>Status Perkahwinan</b>	<b>Ketagihan dadah</b>	<b>Masalah kesihatan</b>	<b>Hubungan kekeluargaan</b>
Yusuf	Lelaki	Kelantan	40 tahun	Tingkatan tiga	4 kali	dadah	4 tahun	Bujang	Ketagih	tiada	Penolakan keluarga
Ilham	Lelaki	Kedah	33 tahun	Tingkatan dua	6 kali penjara	Curi dan dadah	5 tabun	Bujang	Ketagih (Heroin)	Tiada	Penolakan keluarga
Iman	Lelaki	Perak	56 tahun	Tingkatan 6	36 rekod	Dadah	2 tahun	Bujang	Ketagih	Hanya Asma	Penolakan keluarga
											Isteri dipenjara di penjara kajang
Shima	Perempuan	Sarawak	30 tahun	Tingkatan 3	24 kali (keluar masuk penjara)	Ic hilang dan dadah	12 tahun	Janda	Ketagihan	HIV	Penolakan kelurga/ disingkir oleh kelurga
Yusairi	Lelaki	Perak	36 Tahun	Sijil Kemahiran	6 Kali	Jenayah pecah masuk	8 Tahun	Duda	Ketagihan	Hepatitis c	Penolakan keluarga
Azim	Lelaki	Negeri Sembilan	60 Tahun	Tingkatan 5	4 kali	Dadah (Heroin)	30 Tahun	Duda	Ketagihan (Heroin)	Tiada	Tidak mahu menganggu keluarga
Naim	Lelaki	Kuala Lumpur	64 Tahun	Tingkatan 5	9 kali	7 Dadah dan 2 senjata	32 Tahun (berulang kali menjadi gelandangan)	Duda	Ketagihan (heroin)		Responden menjauahkan diri dari keluarga.
Danish	Lelaki	Perak	80 Tahun	Darjah 6	1 kali (32 tahun penjara)	Jual ganja	20 Tahun (pernah tinggal di PTG dan akhirnya hidup di jalanan)	Duda	Ketagihan (ganja)	Darah tinggi, kencing manis dan kolesterol	Responden tidak mahu menyusahkan anak-anaknya.
Zamani	Lelaki	Kedah	31 Tahun	Tingkatan 3	6 Kali	Dadah	3 Tahun	Bujang	Ketagihan	Psikologi	Adik beradik tidak boleh menerima responden

Hasil dapatan kajian yang diperolehi telah membuktikan majoriti informan gelandangan bekas banduan yang ditemui bual ini telah hidup di jalanan dalam tempoh yang sangat panjang. Ketagihan dadah yang berterusan telah menjelaskan kehidupan mereka dan menyukarkan mereka untuk keluar daripada kehidupan bergelandangan. Hasil daripada dapatan kajian yang terkumpul telah membuktikan mereka ini dari kalangan individu yang hidup dalam serba kemiskinan dan daif. Majoriti tidak mempunyai pendapatan yang tetap dan melakukan pelbagai pekerjaan dalam menjana kewangan. Kebanyakan informan mengalami peminggiran sosial disebabkan tiada tempat tinggal, tiada pekerjaan, konflik keluarga, pengaruh dadah dan penolakan ahli keluarga. Pengkaji telah mengenal pasti bagaimana kemiskinan memberi impak kepada gelandangan bekas banduan. Pada masa yang sama, kajian ini telah meneroka motivasi yang menyebabkan gelandangan bekas banduan berterusan terlibat dalam aktiviti kesalahan dadah. Selain itu, pengkaji juga berjaya menyelami perasaan mereka berkaitan ketidakringinan untuk berubah mahupun berhenti daripada melakukan kesalahan dadah. Bahagian berikutnya akan mengulas hal ini dengan teliti. Bahagian ini memperincikan dapatan kajian kepada dua sub-bahagian; iaitu motivasi pengulangan kesalahan dadah dan perasaan ketidakringinan berubah dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Hal ini bagi membolehkan perseimbahan dapatan kajian yang lebih teratur dan tersusun. Hasil temu bual telah menemui dikelompokkan seperti berikut:

### **Tema Superordinat 1: Motivasi Pengulangan Kesalahan Dadah**

Hasil kajian telah membawa kepada penemuan tiga sub-tema utama yang membincangkan tentang motivasi gelandangan bekas banduan ini masih terlibat ke dalam kesalahan dadah. Pengkaji melampirkan kesemua sub-tema seperti berikut:

#### **Suatu bentuk kehendak bebas (atau pilihan sendiri)**

Pengkaji mendapati motivasi gelandangan bekas banduan ini berterusan berulang dengan kesalahan dadah disebabkan oleh melihat ia sebagai pilihan sendiri tanpa menghadapi sebarang penghalang yang menghalang mereka dari mengambil. Bagi ahli teori pilihan rasional, penjenayah atau pelaku ini dikatakan secara rasional akan memilih untuk melakukan kejahatan (Cornish & Clarke, 1986). Pilihan rasional memberikan perspektif mikro tentang mengapa pesalah memutuskan untuk melakukan jenayah tertentu. Ini bermakna bahawa individu bertanggungjawab terhadap pilihan mereka dan oleh itu pesalah individu adalah bertanggungjawab terhadap jenayah mereka. Teori ini berdasarkan beberapa anggapan mengenai proses membuat keputusan dan motivasi tingkah laku. Hal ini dapat dilihat apabila gelandangan bekas banduan melihat tindakan mereka adalah berdasarkan kehendak bebas yang dimiliki oleh mereka. Pengkaji merujuk situasi sebegini sebagai suatu tindakan itu berlaku disebabkan oleh kehendak bebas yang dimiliki oleh seseorang dalam melakukan sesuatu. Pengkaji mendapati Yusuf, Shima, Azim, dan Naim telah melaporkan perkara yang hampir serupa tentang perkara ini. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

*“Saya merasa ia disebabkan saya berasa boleh melakukan dadah tanpa ada orang menghalang” (Yusuf)*

*“Sebab mengambil dadah kerana pilihan saya sendiri” (Shima)*

*“Saya bebas memilih sendiri untuk melakukan dadah. Ia bukan dipaksa tetapi saya yang pilih untuk melakukan dadah” (Azim)*

*“Kebanyakan berpunca daripada apa yang dilakukan adalah hasil daripada pilihan hidup sendiri. Tiada siapa yang memaksa saya mengambil dadah. Kesemua memang pilihan hidup. Saya yang selesa dengan kehidupan begini” (Naim)*

### **Keupayaan mencapai Keseronokan dan kepuasan**

Selain itu, motivasi lain yang menyebabkan gelandangan bekas banduan masih berterusan dengan aktiviti dadah adalah disebabkan oleh keinginan untuk mencapai keseronokan dan kepuasan. Teori Pilihan Rasional turut menyebut orang memilih untuk terlibat dalam jenayah kerana ia boleh memberi ganjaran, mudah, memuaskan dan menyeronokkan. Pilihan rasional adalah berdasarkan kepada kepercayaan utilitarian bahawa tindakan didasarkan pada penilaian sedar utiliti bertindak dengan cara tertentu (Siegal, & McCormick, 2006). Perspektif ini menganggap bahawa kejahatan adalah pilihan peribadi, hasil proses pembuatan keputusan individu. Pengkaji mendapati mereka melihat keseronokan dan kepuasan sebagai motivasi hidup yang ingin dicapai apabila masih berterusan mengambil dadah ini. Iman, Yusairi, dan Danish telah melaporkan perasaan keseronokan dan kepuasan yang mereka capai apabila melibatkan diri dengan aktiviti jenayah. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub tema ini:

*“Saya merasa seronok bila mengambil dadah. Kehidupan jadi menyeronokkan apabila mengambil dadah. Bila tak ambil dadah, saya rasa ada sesuatu yang kurang” (Iman)*

*“Seringkali sebab nak mencapai kepuasan. Apabila saya mengambil dadah, perasaan seronok itu sentiasa ada. Orang tak kan faham kalau saya cerita” (Yusairi)*

*“Saya ingin mencapai keseronokan hidup. Saya rasa seronok dan selesa memilih hidup macam ini” (Danish)*

### **Sebagai strategi penghindaran kepada perasaan (kekecewaan, malu, sedih dan marah)**

Pengkaji juga mendapati motivasi mereka ini terlibat di dalam dadah secara berterusan adalah sebagai strategi penghindaran kepada perasaan yang ada dalam diri. Perasaan itu boleh terjadi dari segi kekecewaan, malu, sedih dan marah yang berlaku disebabkan keadaan hidup yang sangat destruktif. Kehidupan di jalanan menjadikan mereka hidup dalam keadaan penuh kekecewaan dan malu. Akhirnya menyebabkan mereka termotivasi untuk mengambil dadah secara berterusan dengan andaian dadah ini dapat mengurangkan atau meneutralkan perasaan yang terbit dalam diri. Iman, Azim dan Zamani telah melaporkan perkara tentang keupayaan dadah untuk menghindarkan perasaan yang ada dalam diri. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub tema ini.

*“Sebenarnya apabila mengambil dadah, saya cuba menghilangkan rasa kesedihan dalam diri” (Iman)*

*“Pengambilan dadah dapat mengurangkan perasaan kekecewaan dan malu. Saya merasa gembira apabila mengambil dadah. Kesemua perasaan itu seakan hilang” (Azim)*

*“Saya hidup dalam perasaan kecewa dan malu dengan diri. Saya cuba mengalihkan fikiran saya dengan mengambil dadah” (Zamani)*

### **Tema Superordinat 2: Perasaan Ketidaktinginan Berubah**

Kajian yang telah dilakukan ini telah membawa kepada kejayaan pengkaji untuk meneroka perasaan ketidaktinginan berubah dalam kalangan gelandangan bekas banduan. Penglibatan golongan ini membawa persoalan tentang perasaan ketidaktinginan berubah dalam diri mereka. Hasil kajian telah menemukan empat sub-tema seperti berikut:

#### **Ketiadaan keupayaan untuk mereka keluar daripada kehidupan hidup**

Kehidupan di jalanan menyebabkan mereka sering berada dalam keadaan kekecewaan, tiada pililihan yang banyak, malu dan sebagainya. Mereka merasakan tiada peluang untuk mereka keluar daripada kehidupan jalanan tersebut. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak mempunyai perasaan untuk berubah apabila setiap kali dibebaskan. Mereka berpandangan bahawa mereka akan berterusan berkahir hidup di jalanan. Keadaan ini membuatkan Yusuf, Yusairi, Naim dan Danish yang melaporkan pandangan ketidaktinginan untuk berubah. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

*“Saya tidak berhenti mengambil dadah sebab saya fikir hidup ini tiada jalan keluar. Saya akan berterusan menjadi macam ini sehingga penghujung nyawa” (Yusuf)*

*“Hidup saya akan kekal seperti ini selamanya. Baik saya ambil dadah sahaja. Bukan ada orang peduli dengan saya. Kadang-kadang hidup saya hanya benda yang sama setiap. Saya jalani hidup dengan mengambil dadah setiap hari” (Yusairi)*

*“Saya merasa hilang rasa semangat untuk berubah. Saya bukan baru sahaja terlibat dengan dadah. Sudah bertahun dah. Kehidupan saya memang macam ini. Orang macam saya seakan tiada harapan” (Naim)*

*“Saya tidak mampu mengubah hidup saya. Hidup saya akan tamat dengan ambil dadah juga. Saya tidak nampak jalan keluar. Sekali sudah terlibat dengan dadah, memang hari-hari akan fikir pasal dadah juga” (Danish)*

#### **Perasaan di dalam keadaan zon selesa**

Selain itu, perasaan ketidaktinginan berubah juga berpunca daripada keadaan selesa dengan hidup di jalanan. Mereka menunjukkan perasaan selesa walaupun berada di jalanan. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak berasa ingin berhenti daripada dadah. Iman, Shima dan Naim telah melaporkan pandangan serupa tentang perkara ini. Pengkaji melampirkan petikan temu bual bagi menyokong sub-tema ini:

*“Saya memang sudah selesa dengan hidup begini. Hari-hari saya melalui hidup yang sama. Saya bangun pagi pun akan ambil dadah dulu supaya rasa bersemangat” (Iman)*

*“Sememangnya bila sudah hidup sebegini, sudah rasa selesa dah. Sudah menjadi aktiviti rutin harian. Kerja untuk cari duit, lepas itu beli dadah, lepas itu guna. Esok akan buat perkara sama juga” (Shima)*

*“Saya rasa selesa dengan kehidupan begini. Malahan saya dah faham dengan diri. Saya memang susah nak keluar dari kehidupan dadah. Memang sudah selesa” (Naim)*

### **Kekecewaan dan putus asa dalam diri**

Pengkaji juga mendapati pada masa sama mereka turut mengatakan tentang perasaan kekecewaan dan putus asa dalam diri. Ia menjadi antara penyebab buat gelandangan bekas banduan ini tidak mempunyai keinginan untuk berubah mahupun berhenti. Mereka telah menjadi kecewa dengan hidup yang dilalui. Maka mereka akan berterusan dengan pengambilan dadah tersebut. Pengkaji telah menemui petikan temu bual oleh Shima dan Azim bagi menyokong sub tema ini:

*“Sebenarnya ada juga rasa kecewa yang menjadi penyebab saya berterusan dengan dadah. Saya macam tak ada pilihan yang banyak” (Shima)*

*“Saya pun hidup macam sudah putus asas. Setiap kali keluar dari penjara, saya akan datang sini (merujuk ke Jalan Chow Kit), lepas itu akan berkenalan dengan kawan-kawan yang sama, lepas tu ambil dadah dan menjual dadah sebab tiada harapan hidup” (Azim)*

### **Mengalami masalah kurang pertimbangan**

Dan akhir sekali pengkaji mendapati antara sebab mereka ini tidak mempunyai perasaan untuk berubah mahupun berhenti disebabkan oleh berlakunya kekurangan pertimbangan dalam diri. Mereka tidak dapat membuat pilihan yang tepat. Keadaan ini membuatkan mereka akan berterusan dengan pengambilan dadah dan menjual dadah untuk tempoh yang berterusan. Ia seakan ketiadaan pilihan hidup dan gagal dalam membuat keputusan dan pertimbangan hidup yang baik. Pengkaji melampirkan petikan temu bual oleh Yusairi, Danish dan Zamani bagi menyokong sub tema ini:

*“Saya pun sudah tak pasti dengan pilihan hidup yang ada. Macam-macam saya belajar masa masuk dalam penjara dulu. Tapi bila keluar, saya langsung tak dapat guna. Saya akan teringat kepada dadah. Saya juga akan menjual dadah bagi membayai ketagihan dadah saya” (Yusairi)*

*“Saya sudah masuk macam-macam program. Tapi bila berada di luar penjara, otak ini hilang pertimbangan. Memang akan kembali semula kepada dadah. Selalunya saya akan menjual secara kecil-kecilan di sekitar Jalan Chow Kit. Kalau ada yang minta, saya akan jual” (Danish)*

*“Saya tidak mempunyai pilihan yang banyak. Kadang-kadang saya pun tidak pasti pilihan mana yang terbaik untuk saya. Sebab itu saya akan kembali balik dadah. Alih-alih tu sahaja pilihan hidup yang ada” (Zamani)*

### **PERBINCANGAN**

Hasil dapatan menunjukkan gelandangan bekas banduan ini didapati menunjukkan keadaan dan situasi psikologi yang menjelaskan disebabkan oleh pengambilan dadah secara berlebihan. Pengkaji mendapati pengambilan dadah secara berlebihan ini dilakukan disebabkan oleh keinginan diri mereka untuk melepaskan diri dari tekanan yang dialami.

Namun begitu, seseorang individu yang mengambil dadah dengan jumlah yang banyak telah menyebabkan mereka hilang pertimbangan diri dan kehilangan kewarasaran akal. Ia boleh dirujuk sebagai suatu bentuk motivasi (Ryan & Deci, 2000a) yang mengakibatkan seseorang gelandangan bekas banduan ini untuk melakukan jenayah. Oleh yang demikian, hal ini telah memberi kesan kepada pembuatan keputusan dalam mencorakkan atau menjalani kehidupan sehari-hari. Kehidupan yang penuh dengan kehendak bebas menjadikan mereka sering memilih untuk kembali semula ke dalam aktiviti dadah ini. Pengkaji turut mendapati pengambilan dadah telah memberi kesan psikologi terutama dari segi aspek emosi dan mental. Antara kesan psikologi yang diterima oleh golongan gelandangan ialah mengalami perasaan kebimbangan yang tinggi. Hal ini berlaku disebabkan oleh cabaran yang ditempuhi dalam kehidupan sebagai seorang golongan gelandangan telah menghantui pemikiran mereka sehingga menyebabkan mereka sukar untuk melangsungkan kehidupan mereka. Perasaan bimbang ini wujud disebabkan oleh situasi yang tidak diterima oleh masyarakat terhadap seseorang seperti gelandangan bekas banduan.

Gelandangan bekas banduan sering dipandang sebagai seorang individu yang yang tidak mempunyai masa depan dan ketidakmampuan untuk berubah. Maka hal ini telah mencetuskan kebimbangan kepada diri mereka apabila berdepan dengan masyarakat kerana terdapat sesetengah masyarakat tidak menerima gelandangan bekas banduan di dalam masyarakat. Keadaan ini didapati turut menjadi salah satu faktor mereka ini berterusan untuk terlibat semula dengan dadah. Malahan, tekanan emosi yang dialami oleh golongan gelandangan bekas banduan boleh terjadi disebabkan oleh penolakan dan perlabelan yang diberikan oleh masyarakat. Oleh yang demikian, disebabkan oleh perlabelan tersebut telah mendorong kepada mereka menggunakan label yang telah dikenakan dengan kembali atau terlibat secara berterusan ke dalam aktiviti dadah. Gelandangan bekas banduan sering menghadapi situasi di mana merasakan diri mereka sebagai seorang yang insan yang tidak berguna kepada masyarakat sehingga telah mendorong kepada seseorang itu untuk mengakhiri kepahitan hidup mereka dengan terjebak ke dalam dadah semula.

Dalam peristiwa ini, motif didorong oleh keinginan, yang disalahtafsirkan sebagai keperluan dalam pemikiran jenayah. Orang melakukan jenayah kerana itulah yang mereka mahu lakukan, semua tingkah laku jenayah adalah pilihan yang dibuat orang setiap hari. Pengkaji mendapati gelandangan bekas banduan ini memilih secara bebas di antara alternatif tingkah laku sebelum melakukan tindakannya. Inilah yang dikira dalam otak setiap orang kerana mereka mempunyai proses berfikir untuk melakukan kejahatan. Sebilangan besar ini datang dari ego diri mereka. Setiap orang mempunyai "kehendak bebas" dan kemampuan untuk membuat pilihan yang rasional. Gelandangan bekas banduan ini berterusan melakukan kesalahan dadah sebagai sebahagian daripada keinginan diri sendiri untuk mendapatkan sesuatu. Antaranya dengan menjual dadah bagi membolehkan penjanaan kewangan secara mudah. Duit yang diperolehi pula akan digunakan untuk membiayai ketagihan mereka. Pengkaji dapat melihat golongan gelandangan bekas banduan ini mengembangkan proses pemikiran mereka berdasarkan apa yang dapat diperolehi daripada penglibatan mereka dalam tingkah laku tersebut. Seperti yang difikirkan oleh orang bahawa ada perkara di dunia ini yang mereka rasakan adalah hak mereka. Tingkah laku ini menjadi berkaitan dengan apa yang mereka anggap "hak". Ia terbukti terdapat gelandangan bekas banduan yang melihat apa yang dilakukan itu adalah pilihan mereka dan dibolehkan kerana mereka mempunyai kehendak bebas yang boleh digunakan.

Ia selari dengan andaian yang dibincangkan dalam bidang kriminologi dalam menentukan tingkah laku seseorang penjenayah ini. Hal ini kerana kriminologi adalah kajian mengenai tingkah laku manusia yang berkaitan dengan kecenderungan humanistik terhadap

jenayah. Dengan kata lain, kajian kriminologi merupakan kajian ilmiah mengenai sifat, tahap, sebab, dan kawalan tingkah laku jenayah pada individu dan masyarakat. Hal ini kerana pengkaji melihat orang melakukan jenayah kerana itulah yang mereka mahu lakukan, semua tingkah laku jenayah adalah pilihan yang dibuat oleh orang setiap hari. Gelandangan bekas banduan ini didapati mempunyai keupayaan untuk memilih secara bebas di antara alternatif tingkah laku yang ingin dilakukan sebelum melakukan tindakannya. Hal ini kerana orang mahu mengambil "jarak terpendek antara dua titik" "iaitu di antara memilih keseronokan berbanding kesakitan akibat perbuatan". Pengkaji berpandangan lagi bahawa inilah yang dihitung di dalam otak setiap gelandangan bekas banduan kerana mereka mempunyai proses berfikir apabila ingin melibatkan diri dalam sesuatu jenayah. Akhirnaya sebilangan besar penglibatan mereka ke dalam kesalahan dadah sebenarnya datang dari ego diri mereka. Bagi pengkaji, gelandangan bekas banduan ini mempunyai "kehendak bebas" dan kemampuan untuk membuat pilihan yang rasional. Mereka akan menilai suatu yang mendatangkan keseronokan kepada mereka. Pengkaji melihat pengamalan sifat berbentuk hedonisme dalam kalangan gelandangan bekas banduan dalam menjalani kehidupan sehari-hari. Amalan hedonism ini apabila mereka hanya memikirkan keseronokan yang bakal dicapai pada hari tersebut tanpa memikir apa yang akan berlaku pada keseronokan hari. Pandangan pengkaji tentang sikap hedonism ini berpuncu daripada sikap gelandangan bekas banduan sendiri yang lebih cenderung untuk mencapai keseronokan tanpa memikir kesan yang akan menimpa mereka kemudian hari. Gelandangan bekas banduan yang terlibat dalam kesalahan dadah sebagai sebahagian daripada keinginan yang mementingkan diri sendiri untuk mendapatkan sesuatu. Motivasi untuk melakukan tindakan tingkah laku jenayah berkaitan dengan keinginan kawalan dalaman yang asas seperti dominasi, kemarahan, balas dendam, ketidakcukupan dalam diri. Dengan itu, strategi motivasi berasal dari keinginan, peluang, kemampuan dan penggabungan untuk merumuskan strategi motivasi.

Selain itu, pengkaji mendapati perasaan ketidaktinginan berubah boleh timbul daripada kesukaran untuk berintegrasi semula. Kegagalan berintegrasi semula yang berterusan boleh menyebabkan kekecewaan dan putus asa dalam diri. Perasaan di dalam keadaan zon selesa turut menjadi faktor kepada perasaan ketidaktinginan untuk berubah. Ketiadaan keupayaan untuk mereka keluar daripada kehidupan hidup yang sukar menjadikan mereka tersekat di dalam kitaran hidup yang sukar. Pelbagai faktor risiko yang menjadi cabaran hidup apabila berada di dalam komuniti. Ia boleh disebabkan oleh ketiadaan tempat tinggal yang menyebabkan mereka berakhir menjadi gelandangan, penolakan keluarga disebabkan oleh kekecewaan ahli keluarga, pengangguran yang berpuncu akibat stigma, masyarakat yang mendiskriminasi, rakan-rakan negatif yang berterusan mempengaruhi mereka terlibat ke dalam aktiviti jenayah dan masalah ketagihan dadah yang tidak terubat.

Hal ini kerana, banduan penjara yang dihukum pemenjaraan di dalam institusi tahanan akan berhadapan dengan pelbagai cabaran sosial, ekonomi dan peribadi sebaik dibebaskan dan sering cenderung untuk menjadi halangan kepada gaya hidup bebas jenayah (Borzycki & Baldry, 2003; Visher, Winterfield, & Coggesshall, 2005). Kesukaran bekas banduan dalam berintegrasi smula menyebabkan perlunya pemahaman yang lebih mendalam mengenai cara terbaik untuk membantu proses kemasukan semula ke dalam masyarakat (Visher, Kachnowski, La Vigne, & Travis, 2004). Antara cabaran-cabaran ini adalah hasil daripada pengalaman lepas banduan penjara akibat proses pemenjaraan dan kesukaran peralihan ke dalam masyarakat (Anderson-facile, 2009; Cohran, Mears, Bales, & Stewart, 2012; Kubrin & Stewart, 2006; La Vigne, Davies, Palmer, & Halberstadt, 2008; Lattimore, Visher, & Steffey, 2010; Luther, Reichert, Holloway, Roth, & Aalsma, 2011; Mears & Mestre, 2012; Morenoff & Harding, 2011; Petersilia, 2003; Travis 2005; Visher & Travis, 2011; Wheeler &

Patterson, 2008). Kehidupan yang destruktif ini menjadikan mereka ini berterusan termotivasi untuk berulang kali terlibat ke dalam kesalah dadah dan tidak mempunyai ketidakninginan untuk berubah dan berhenti.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, penulisan ini telah pun memperlihatkan gambaran tentang motivasi pengulangan kesalahan dadah dan perasaan ketidakninginan berubah dalam kalangan gelandangan bekas banduan ini. Pengkaji dapat meneroka motivasi yang menyebabkan mereka ini terlibat dengan jenayah dadah. Serangkaian faktor motivasi yang membuatkan gelandangan bekas banduan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk kembali kepada dadah semula. Pada masa yang sama kajian ini turut menyelami punca yang membuatkan gelandangan bekas banduan ini tidak mempunyai perasaan untuk berubah. Keadaan ini membuat mereka berterusan dengan aktiviti penyalahgunaan dadah secara berulang disebabkan perasaan ketidakninginan tersebut. Mereka ini sebagai kumpulan marginal yang perlu mendapat perhatian khusus daripada pelbagai pihak dalam membantu proses integrasi semula apabila setiap kali dibebaskan. Kegagalan demi kegagalan proses integrasi semula menjadikan mereka ini mudah terbabit ke dalam kesalahan dadah dan tingkah laku dadah. Oleh hal yang demikian, isu kesalahan atau jenayah dadah dalam kehidupan gelandangan bekas banduan secara berterusan ini boleh dilihat sebagai suatu isu yang signifikan untuk dicari jalan penyelesaian segera. Tidak dapat dinafikan bahawa defisiensi keperluan-keperluan yang dialami oleh golongan ini apabila setiap kali dibebaskan menjadi antara faktor mereka ini berterusan terjebak ke dalam kancah dadah. Keperluan dalam mengenalpasti usaha dan intervensi yang perlu difikirkan bagi memastikan kesejahteraan golongan gelandangan bekas banduan dapat dijami dan individu-individu yang dibelenggu dalam permasalahan ini dapat dikeluarkan dan dibantu.

## PENGHARGAAN

Penulis memperolehi geran pembiayaan yang dikenali sebagai geran Penjanaan Penyelidikan 2021 dengan no. kod S/O 21123 sebanyak RM10,000 dari Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (RMIC), Universiti Utara Malaysia dan geran komuniti Petaling Jaya Mampan (2021) dengan no. kod S/O 21200 sebanyak RM8,400 dari Majlis Perbandaran Petaling Jaya untuk penulisan ini.

## RUJUKAN

- Anderson-Facile, D. (2009), Basic challenges to prisoner reentry. *Sociology Compass*, 3(2), 183–195.
- Borzycki, M & Baldry, E. (2003), Promoting integration: The provision of prisoner post-release services. Australian Institute of Criminology. [www.aic.gov.au/publications/current%20series/tandi/261-280/tandi262/view%20paper.aspx](http://www.aic.gov.au/publications/current%20series/tandi/261-280/tandi262/view%20paper.aspx) [Diakses 13 Januari 2022].

- Cochran, J., Mears, D., Bales, W & Stewart, E. (2012), Does inmate behavior affect post-release offending? Investigating the misconduct-recidivism relationship among youth and adults. *Justice Quarterly*, 31(6), 1044-1073.
- Cornish, D., & Clarke, R. V. (1986), *The Reasoning Criminal Rational Choice Perspectives on Offending*. Hague Springer- Verlag.
- Farrah Wahida Mustafar, Mohd Taib Dora, Faudziah Yusof, Fazurah Mustaffa, & Mohammad Yassin Omar Mokhtar. (2018), Budaya local penyumbang komuniti jalanan di Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/329772182\\_BUDAYA\\_LOKAL\\_PENYUMBANG\\_KOMUNITI\\_JALANAN\\_DI\\_MALAYSIA](https://www.researchgate.net/publication/329772182_BUDAYA_LOKAL_PENYUMBANG_KOMUNITI_JALANAN_DI_MALAYSIA) [Diakses 14 Januari 2022].
- Farrah Wahida Mustafar, Faudziah Yusof, Mohd Taib Dora, Fazurah Mustaffa, Mohammad Yassin Omar Mokhtar, Izzat Haffizuddin Osman, Amirul Naim Azmi, & Mohammad Haiqal Mohd Hanafi. (2018), Fenomena gelandangan: faktor kebanjiran komuniti jalanan. <https://www.researchgate.net/publication/257264758> [Diakses 26 Disember 2021].
- Fuad Mohamed Berawi & Noor Amalina Ismail (2019), Gelandangan di Kuala Lumpur: Tinjauan awal. [https://www.researchgate.net/publication/337679453\\_Gelandangan\\_di\\_Kuala\\_Lumpur\\_Tinjauan\\_Awal](https://www.researchgate.net/publication/337679453_Gelandangan_di_Kuala_Lumpur_Tinjauan_Awal) [Diakses 13 Januari 2022].
- Ku Basyirah Ku Yaacob, Mohd Suhaimi Mohamad & Norulhuda Sarnon. (2017), Isu gelandangan di Malaysia: Tahap kesihatan mental & kemahiran hidup. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah (Special Issue)*: 119–131.
- Kubrin, C. E. & Stewart, E. A. (2006), Predicting who reoffends: The neglected role of neighborhood context in recidivism studies. *Criminology*, 44, 165-98
- La Vigne, N., Davies, E., Palmer, T & Halberstadt, R. (2008), *Release planning for successful reentry: A guide for corrections, service providers, and community groups*. Washington, DC: Urban Institute, Justice Policy Center.
- Latham, G. P. (2012), *Work motivation: History, theory, research, and practice* (2nd ed.). SAGE.
- Lattimore, P. K., Visher, C. A., & Steffey, D. M. (2010), Prisoner reentry in the first decade of the 21st century. *Journal of Victims and Offenders*, 5, 253-267
- Luther, J. B., Reichert, E. S., Holloway, E. D., Roth, A. M., & Aalsma, M. C. (2011), An exploration of community reentry needs and services for prisoners: A focus on care to limit return to high-risk behavior. *AIDS Patient Care and STDs*, 25(8), 475–481.
- Mears, D. P., & Mestre, J. (2012), Prisoner reentry, employment, signaling, and the better identification of desisters: Introduction to the special issue. *Criminology and Public Policy*, 11, 5-15.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, Jal Zabdi Mohd Yusoff, Khairiyah Md Shahid, Noralina Omar & Zaiton Azman (2019), Family refusal as a contributing factor to the homelessness problem among former prisoners in Malaysia. *Sarjana*, 34(1), 23-37
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Norruzeyati Che Mohd Nasir Ah, (2020), Three major interrelated factors contributing to homelessness issue among former prisoners in Malaysia. *The International Journal of Criminology and Sociology*, 9, 415–430.
- Mohd Alif Jasni, Siti Hajar Abu Bakar Ah, & Norruzeyati Che Mohd Nasir (2021), Tough life after prison: An analysis of 19 former prisoners in Malaysia. *Journal of Community Development Research (Humanities and Social Sciences)*, 14(1), 24–36.

- Morenoff, J. D., & Harding, D. J. (2011), Final Technical Report: Neighborhoods, Recidivism, and Employment Among Returning Prisoners. Washington, DC: U.S. Department of Justice.
- Muhammad Ammar Harith Idris & Mohd Anuar Ramli. (2018), Pemerkasaan golongan gelandangan dalam membentuk kesejahteraan sosial dari perspektif Maqasid al Shariah. Semnar serantau peradaban Islam 2018. Institute Islam Hadhari, UKM : 14-15 Nov 2018
- Muhammad Faheem Mohd Dahlan dan Muhammad Idris Bullare @ Bahari, (2017), Kesejahteraan Hidup Dalam Kalangan Gelandangan. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial*, 1, 53–62.
- Muhammad Nor Amir bin Abdul Rahman & Fatimah Yusro Hashim. (2021), Hala tuju pengurusan gelandangan pasca Covid-19. International conference on syariah & law 2021(ICONSYAL 2021) online conference 6<sup>th</sup> April 2021.
- Mohd Suhaimi Mohamad., Khaidzir Ismail., Nasuridn Subhi, & Nik Hairi Omar. (2016), Hubungan di antara kesihatan mental dengan minat kerjaya dalam kalangan gelandangan di Kem Desa Bina Diri, Malaysia. *Akademia* 86(1), 11-19.
- Muhammad Wafi Ramli & Sharifah Rohayah Sheikh Dawood. (2017), Memahami permasalahan golongan terpinggir di bandar: kajian kes gelandangan di George Town, Pulau Pinang. *Geografi*, 5(2), 78-94
- Nurul Mahfuzah Ahmad Yani, Nur Zakirah Zahari, Nur Fatini Haziqah Abu Samah, Muhammad Ammar Faidhi Mohamed Azahar, Siti Munira Yasin, Mohd Shahril Ahmad Saman & Nor Aini Mohd Noor (2016), Factors associated with homelessness and its medical issues among urban Malaysians: A qualitative research. *Journal of Clinical and Health Sciences*, 1(1), 46–58.
- Penang Institute. (2015), Homelessness in our cities. [https://penanginstitute.org/wpcontent/uploads/jml/files/research\\_papers/Homelessness\\_InOurCities\\_AReportbyPenangInstitute\\_Kenneth\\_21Jan15\\_OKM25Feb2015.pdf](https://penanginstitute.org/wpcontent/uploads/jml/files/research_papers/Homelessness_InOurCities_AReportbyPenangInstitute_Kenneth_21Jan15_OKM25Feb2015.pdf) [Diakses 12 November 2021].
- Petersilia, J. (2003), *When prisoners come home: Parole and prisoner reentry*. New York, NY: Oxford University Press.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000a), Intrinsic and extrinsic motivations: Classic definitions and new directions. *Contemporary Educational Psychology*, 25(1), 54–67.
- Ryan, R. M. & Deci, E. L. (2000b), Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55 (1), 68–78.
- Siegal, L., & McCormick, C. (2006), *Criminology in Canada: Theories, Patterns, and Typologies* (3<sup>rd</sup> ed.). Toronto: Thompson, Nelson.
- Snyder, H.N., Durose, M.R., Cooper, A. & Mulako-Wangota, J. (2016), Bureau of Justice Statistics. Recidivism Rates of Prisoners with Selected Characteristics Released from Prisons in 30 States in 2005 – Female and Male. Generated using the Prisoner Recidivism Analysis Tool - 2005 (PRAT-2005). [http://www.bjs.gov/recidivism\\_2005\\_arrest/](http://www.bjs.gov/recidivism_2005_arrest/)
- Syafiq Sham & Doris Padmini Selvaratnam. (2018), Strategi kelangsungan hidup gelandangan di Pusat Bandaraya Kuala Lumpur. *Sains Humanika*, 10(2), 19-29
- Syazwani Drani (2016), Dinamik kehidupan golongan gelandangan di Pulau Pinang. *Tesis Doktor Falsafah*, 28–103.
- Travis, J. (2005), *But they all come back: Facing the challenges of prisoner reentry*. Washington, DC: The Urban Institute Press.

Utusan Malaysia. (2020), Gelandangan ditemui mati di bangunan kedai.

<https://www.utusan.com.my/terkini/2020/07/gelandangan-ditemui-mati-di-bangunan-kedai> [Diakses 20 Januari 2022]

Visher, C.A., Kachnowski, V., La Vigne, N., & Travis, J. (2004), *Baltimore prisoners' experiences returning home*. Washington, DC: The Urban Institute.

Visher, C. A., & Travis, J. (2011), Life on the outside: Returning home after incarceration. *The Prison Journal*, 9, 102S-119S

Visher, C. A., Winterfield, L., & Coggeshall, M. B. (2005), Ex-offender employment programs and recidivism: A meta-analysis. *Journal of Experimental Criminology*, 1(3), 295–316.

Wheeler, D & Patterson, G. (2008), Prisoner reentry. *National Health Line*, 33(2), 145-147.

Yap, J. (2020), Gelandangan atau kutu rayau: Sinar Harian.

<https://www.sinarharian.com.my/article/82920/KOLUMNIS/Gelandangan-atau-kutu-rayau> [Diakses 23 Januari 2022]

## **MAKLUMAT PENULIS**

### **DR. MOHD ALIF JASNI (PENGARANG KORESPONDEN)**

1. Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor
2. Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial  
Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah
3. Institute for Psychotherapy, Correctional & Rehabilitation (*iPSYCORE*),  
Universiti Utara Malaysia, Sintok 06010, Kedah
4. Pertubuhan Kebajikan Ar-Riqab Kuala Lumpur  
Menara Putra, 15-02-08, Lorong Tiong Nam 5, Chow Kit, 50350 Kuala Lumpur  
mohd.alif.jasni@uum.edu.my

### **DR. NAZIRAH HASSAN**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor  
nazirah@ukm.edu.my

### **PROF MADYA DATIN DR. FAUZIAH IBRAHIM**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor  
ifauziah@ukm.edu.my

### **PROF MADYA DR. MOHAMMAD RAHIM KAMALUDDIN**

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 43600 Selangor  
rahimk@ukm.edu.my

### **PROF MADYA DR. NORRUZEYATI CHE MOHD NASIR**

Pusat Pengajian Psikologi Gunaan, Dasar dan Kerja Sosial  
Universiti Utara Malaysia, Sintok, 06010, Kedah  
zeyati@uum.edu.my